

24 APR 2001

MTUC - sumbangan

MAJIKAN DIMINTA TIDAK JADIKAN CARUMAN ISU PERBALAHAN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Majikan harus melihat keperluan perundangan berkaitan peratusan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan tidak menjadikannya isu itu satu perbalahan, kata Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia hari ini.

Presidennya Senator Zainal Rampak berkata perbalahan harus dielakkan bagi mengekalkan keharmonian industri di negara ini.

"Bagaimanapun, kesatuan sekerja seharusnya tidak dipersalahkan jika perkara ini akhirnya menjadi perbalahan," katanya dalam satu kenyataan.

Zainal menyatakan pendirian MTUC berkaitan perkara itu, tidak perlu dari segi perundangan untuk mengemukakan Borang 17A untuk mengubah caruman dari sembilan kepada 11 peratus.

Beliau berkata Seksyen 74 Akta KWSP jelas menyatakan kecuali jadual ketiga kepada akta itu yang mengandungi jadual caruman bulanan pekerja dan majikan dipinda dan diwartakan, kadar caruman 12 dan 11 peratus yang sedia ada akan terus digunakan.

Zainal berkata pekerja hanya diperlukan untuk mengemukakan Borang 17A jika mereka mahu mencarum lebih dari kadar yang telah diwartakan.

Pada 27 Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan di Dewan Rakyat hasrat kerajaan untuk mengurangkan caruman pekerja kepada KWSP dari 11 peratus kepada sembilan peratus.

Sementara itu, pada 17 April, kerajaan memutuskan untuk memberikan pilihan kepada pekerja sama ada untuk mengurangkan caruman atau mengekalkan kadar caruman 11 peratus, dan mereka yang mahu menyumbang lebih sembilan peratus mesti mengemukakan Borang KWSP 17A (Pekerja).

Zainal berkata MTUC dimaklumkan sehingga sekarang lebih dari 30,000 Borang 17A telah dikemukakan dan ini telah menambah bebanan pentabiran KWSP yang telah juga dibebani dengan permohonan pengeluaran simpanan apabila mencapai usia bersara, insurans, perubatan dan penjagaan kesihatan, pembelian komputer dan rumah, dan pelbagai skim lain.

Beliau berkata MTUC telah menulis surat kepada pengerusi KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali meminta KWSP mengarahkan majikan agar secara automatik mencarum kadar asal tanpa perlu mengemukakan Borang 17A.

-- BERNAMA

AKT AHH RI